



**TEKS UCAPAN
YAB PERDANA MENTERI
BERSEMPENA PERJUMPAAN YAB PERDANA
MENTERI BERSAMA WARGA JPM
BAGI BULAN MEI 2018**

TARIKH : 21 MEI 2018 (SELASA)

MASA : 8.30 PAGI

**Tempat : DATARAN PERDANA
BANGUNAN PERDANA PUTRA
PUTRAJAYA**

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Saya bersyukur kerana sekali lagi dapat memainkan peranan di dalam pentadbiran negara yang bertuah ini. Saya juga bersyukur kerana dapat sekali lagi berjumpa dengan anggota pentadbiran daripada Jabatan Perdana Menteri.

Tuan-tuan dan Puan-Puan,

Kita harus sedar bahawa negara kita ini dahulu dihormati tetapi sekarang kita sudah tidak dihormati seperti dahulu. Menjadi tugas kita semua untuk memulihkan negara kita ini supaya sekali lagi ianya dipandang tinggi dan dihormati oleh seluruh dunia. Inilah perjuangan kita semua. Saya amat kecewa kerana sebuah pentadbiran yang dahulu dikenali sebagai sebuah negara yang terbaik dalam Komanwel yang dapat menjalankan tugas dengan baik dan melaksanakan semua program dan perancangan dengan jayanya, tetapi hari ini kita dapati negara kita tidak lagi dihormati dan pentadbir kita juga tidak lagi dipandang tinggi.

Menjadi tugas kita semua untuk memulih keadaan ini supaya kita kembali menjadi sebuah negara yang ditadbir dengan baik dan boleh

berjaya dalam pembangunan negara dan dikenali sebagai negara yang mampu mendirikan negara sendiri dengan usaha sendiri.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Kita adalah sebuah negara yang dikatakan demokratik. Di antara pentadbiran negara demokratik ialah perpisahan antara tiga kuasa dalam negara kita. Aspek pemisahan kuasa antara Eksekutif, Legislatif dan Kehakiman amat penting bagi memastikan salah urus tadbir tidak berlaku.

Asas-asas negara demokratik ini perlu ada perpisahan antara tiga kuasa iaitu pembuat undang-undang, pelaksana undang-undang dan kehakiman. Perpisahan ini amat penting kerana jika tidak ada *check and balance* seperti ini, maka tetap akan berlaku sesuatu yang tidak baik, yang tidak dapat ditegur, tidak dapat dihalang dan tidak dapat dibentang. Inilah yang kita harus ingat, pentadbir menjadi tangan yang terkuat dalam melaksanakan segala urusan untuk membangunkan negara dan pentadbir mestilah terdiri daripada pentadbir yang baik yang tidak terpesong kerana sebab-sebab yang lain. Ini amat penting sekali dan saya yakin semua kita tahu bahawa kita sebagai pentadbir mestilah akur kepada sistem pemerintahan negara kita iaitu sistem demokrasi.

Kalau tidak ada perpisahan ini, maka satu pihak akan menguasai ketiga-tiga pihak dan satu pihak lagi itu tidak akan ditegur dan ditentang bahkan ianya akan menjalankan segala-galanya walaupun apa yang dijalankan atau dicadangkan itu bertentangan dengan undang-undang negara.

Sebab itu kita mempunyai tiga kuasa dalam negara kita dan di antaranya adalah pentadbiran. Pentadbiran merupakan peranan yang amat penting sekali. Mereka mestilah terdiri daripada anggota yang berpegang kepada ikrar mereka untuk berkhidmat demi negara tanpa dipesongkan oleh lain-lain perkara umpamanya kalau kita disuruh melakukan sesuatu yang bertentangan dengan undang-undang negara, maka menjadi tanggungjawab pentadbir untuk tidak menerima sesuatu yang salah.

Kita lihat dalam beberapa tahun yang lepas ini pentadbir tidak mempunyai kuasa menegur atau pun menentang apabila disuruh melakukan sesuatu yang bertentangan dengan undang-undang negara. Kita dapati ramai dari anggota pentadbir yang mungkin kerana takut, disogok dengan melakukan perbuatan-perbuatan yang tidak baik yang merugikan negara. Kita juga dapati kewangan negara umpamanya sudah dicabul dengan begitu besar sehingga sekarang ini kita

menghadapi masalah penyelesaian hutang yang sudah meningkat kepada trillion ringgit. Ini tidak pernah dilakukan oleh kita. Dahulu kalau kita ada hutang yang jumlahnya tidak lebih dari tiga ratus billion ringgit, tetapi sekarang telah meningkat kepada lebih satu trillion ringgit. Bagaimana kita hendak selesaikan hutang ini adalah bergantung kepada usaha kita dan daya fikir kita untuk mengatasi cabaran ini. Untuk ini, kita perlu bekerjasama antara pihak yang menjadi kerajaan daripada wakil-wakil rakyat yang dipilih oleh rakyat dan juga pentadbiran. Tetapi pentadbir tidak harus melakukan apa-apa yang bertentangan dengan undang-undang walaupun diarah oleh pihak yang menjadi kerajaan sekarang ini.

Perpisahan kuasa antara kita perlu dikekalkan hanya dengan cara itu sahaja boleh menentukan tiada penyelewengan dalam pentadbiran negara kita. Sebenarnya Malaysia adalah sebuah negara yang mampu menghadapi pelbagai cabaran jika berpegang kepada prinsip-prinsip yang telah diletakkan di bawah sistem pentadbiran demokrasi. Jika kita pegang kepada prinsip seperti ini, kita boleh lawan dengan seluruh dunia. Dan ini telah kita buktikan apabila mata wang kita diserang dan kita dapat mengatasi masalah yang besar ini kerana kita semua bekerja ke satu arah sahaja iaitu untuk mempertahankan negara kita. Kita juga telah dilihat bagaimana negara yang dahulunya adalah negara pertanian

dapat ditukar kepada sebuah negara industri dengan tidak menimbulkan banyak masalah. Hari ini kita sudah menjadi negara industri tetapi pertanian juga memerlukan perhatian oleh kita.

Industri memerlukan lebih banyak ilmu pengetahuan di kalangan pentadbir. Mereka akan terpaksa menangani permintaan yang berasaskan kepada teknologi baharu yang tinggi dan kalau kita tidak faham apa itu teknologi ini tetapi sekurang-kurangnya pada asasnya maka tidak mungkin kita akan memberikan khidmat yang terbaik kepada pelabur dan lain-lain.

Sebab itu, kita perlu tingkatkan keupayaan, pengetahuan dan ilmu di kalangan pentadbir-pentadbir khususnya di Jabatan Perdana Menteri ini. Kita akan lihat perubahan-perubahan yang akan dilakukan hanya setelah dikaji dengan mendalam akan keperluan perubahan-perubahan ini. Saya tidak boleh jelaskan apakah ianya perubahan yang akan dilakukan kerana di waktu ini kita belum dapat maklumat yang cukup untuk membuat perubahan ke arah yang baharu. Namun kita yakin dengan ilmu pengetahuan yang ada pada pentadbir sendiri dan juga kerajaan yang telah dipilih oleh rakyat, saya yakin kita boleh membuat perubahan dengan tidak meningkatkan kos pentadbiran negara. Ini bukan soal menambah pegawai semata-mata atau menubuhkan badan-

badan institusi yang baharu tetapi untuk menggunakan institusi yang sedia ada sepenuhnya dengan cara yang lebih efisien supaya kita dapat capai matlamat kita tanpa meningkatkan kos negara kita. Di negara kita ini didapati sekarang terdapat usaha semata-mata untuk *high income* atau pendapatan yang tinggi tetapi pendapatan yang tinggi yang tidak memberi kepada barangan yang lebih tidak mempunyai makna sama sekali. Sebab itu yang lebih penting ialah daya beli wang kita dan daya beli pendapatan kita. Kalau kita naikkan wang yang kita bayar sebagai upah, tetapi pada masa yang sama, harga barang meningkat dengan tinggi, maka wang yang ditambah itu tidak mungkin akan dibeli lebih daripada dahulu. Dengan itu, kenaikan *income* tidak akan memberikan apa-apa kesan kebaikan kepada kita. Banyak lagi perkara yang perlu kita kaji sekarang ini dan dalam usaha semua anggota dalam kerajaan akan memberi kerjasama dan menyumbang ilmu dan pengetahuan yang ada pada mereka.

Saya bersyukur kerana sehingga kini saya tidak menghadapi banyak masalah tentang kerjasama daripada pegawai-pegawai sedia ada. Tetapi kita harus ingat bahawa yang salah masih salah, sebarang perbuatan yang salah mestilah diuruskan mengikut undang-undang negara. Hanya dengan cara itu sahaja, dapat kita bersihkan pentadbiran kita. Apabila pentadbiran kita menjadi lebih bersih, lebih dikenali, lebih efisien dan lebih maju, maka pada ketika itu akan terpulihlah negara

kita. Sebab itu, saya harap dapat kerjasama yang tidak berbelah bahagi dalam urusan yang dilakukan oleh saya sebagai Perdana Menteri asalkan apa yang dilakukan oleh saya itu tidak bertentangan dengan dasar-dasar negara ataupun undang-undang negara.

Kita perlu menghormati perlembagaan negara kita ini yang sekian lama telah berjaya menyusun dalam pentadbiran kita. Sebab itu, kita perlu mewujudkan pentadbiran yang mengutamakan undang-undang negara. Undang-undang diadakan bukan untuk memberi kuasa kepada kerajaan semata-mata tetapi diadakan untuk melindungi rakyat daripada sebarang jenayah yang dilakukan oleh mana-mana pihak termasuk juga jenayah yang dilakukan oleh kerajaan. Sebab itu, *the rules of law* adalah begitu penting sekali bagi menjayakan sebuah pentadbiran demokratik. Inilah yang kita idam-idamkan dan percaya dengan kerjasama tuan-tuan dan puan-puan, kita akan mencapai matlamat-matlamat kita.

Saya harap dengan pertukaran kerajaan ini, kita dapat memperbaiki masalah yang dihadapi oleh negara terutama masalah kewangan. Kita yakin kita boleh atasi masalah ini. Tetapi kita perlu kepada pentadbiran yang cekap, efisien dan amanah. Itu sahaja harapan saya dan saya mengucapkan berbilang terima kasih kerana mendapat peluang ini

untuk menjelaskan sedikit sebanyak tentang pendirian kerajaan baharu yang kita telah pilih baru-baru ini.

Saya harap dengan kerjasama daripada anggota pentadbir negara di Jabatan Perdana Menteri dan di kementerian-kementerian yang lain, maka dalam jangka masa yang tidak terlalu panjang, kita dapat memulihkan negara kita ini supaya sekali lagi negara kita ini akan dihormati oleh dunia.

Sekian, terima kasih.